

# Nasihat Hadi tidak baik

## Presiden Pas patut turut bertanggungjawab jaga keselamatan: PM

Oleh Anwar Hussin,  
Masrina Mohd Yunos  
dan Wan Faizal Ismavatin

**K**UALALUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyelar Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang kerana menggalakkan ahli parti itu mengadakan demonstrasi jalanan, termasuk membaling batu terhadap polis.

Perdana Menteri berkata, sebagai presiden parti, beliau (Abdul Hadi) tidak sepatutnya mengeluarkan nasihat tidak baik kerana beliau turut bertanggungjawab menjaga keselamatan.

"Nak baling batu pada polis, apa

*"Pada kita, Abdul Hadi mengeluarkan nasihat yang tidak mematuhi serta melanggar undang-undang dan perkara itu tidak elok"*

Musa Hassan  
Timbalan Ketua Polis Negara

hal? Demonstrasi pula diadakan di tempat terbuka seperti kawasan beli-belah sehingga mengganggu perniagaan dan ini tidak membawa sebarang kebaikan kepada orang ramai," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Hari Keluarga Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Taman Tasik Titiwangsa, di sini semalam.

Kelmarin, pada sidang akhbar selepas menutup Muktamar Pas di Alor Star, Abdul Hadi berkata, beliau tidak akan menghalang ahli Pas berdemonstrasi, termasuk membaling batu kepada anggota polis.

Katanya, pendekatan demonstrasi jalanan itu dianggapnya langkah

paling berkesan kepada parti itu bagi menunjukkan protes kepada kerajaan.

Abdul Hadi berkata, bagi negara yang mengamalkan demokrasi, demonstrasi adalah bukti kebebasan.

Abdullah, yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri berkata, sebarang demonstrasi atau perhimpunan awam yang hendak dibuat perlu mendapat permit polis.

Sementara itu, Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan, berkata penguat kuasa undang-undang menjalankan tugas mengikut undang-undang dan pihak yang tidak mematuhi akan dikenakan tindakan.

"Pada kita, Abdul Hadi mengeluarkan nasihat yang tidak mematuhi serta melanggar undang-undang dan perkara itu tidak elok," katanya.

Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib menyifatkan tindakan Abdul Hadi merestui ahli parti itu mengadakan demonstrasi dan membaling batu kepada pihak berkuasa sebagai tindakan yang membelakangkan undang-undang negara dan menggagalkan anarki.

Beliau berkata, ia bertentangan dengan Rukun Negara berkaitan Keluhuran Perlembagaan.

LIHAT MUKA 2

## Tindakan galak anarki

DARI MUKA 1

"tidak boleh ambil undang-undang ikut sesuka hati dan dalam tangan sendiri. Undang-undang dibentuk oleh Parlimen daripada mandat yang diberikan rakyat.

"Kita punyai undang-undang sendiri, kita amalkan demokrasi mengikut negara kita... tak boleh benarkan kebebasan mutlak kerana tiada kebebasan mutlak dalam sebarang bentuk demokrasi," katanya ketika dihubungi.

Ketua Pemuda Umno, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata kenyataan Abdul Hadi itu menunjukkan amalan parti itu dari dulu.

"Ini menunjukkan kepemimpinan tertinggi Pas tidak bertanggungjawab kerana merestui kaedah sebegitu rupa. Kita dalam Umno tidak membenarkan budaya seperti ini kerana ia menggambarkan keadaan yang tidak sesuai dengan budaya kita," katanya.

Hishammuddin berkata, perbuatan seperti itu tidak dapat memanfaatkan rakyat yang mahu kestabilan dan perpaduan, selain melihat keharmonian negara.